

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG  
SAUNI [ SIBUTI]**

**SOALAN**

**TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian dapat mempertimbangkan mengambil alih semula pengurusan Pusat Transformasi Luar Bandar Sibuti dan meneruskan naik taraf fasa kedua memandangkan RTC Sibuti telah digugurkan dari Kementerian sejak 2018.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada masa ini tiada perancangan mengambil alih semula pengurusan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sibuti selepas menyerahkan kepada Kerajaan Negeri bagi membolehkan Kerajaan Negeri meneruskan peranan dan fungsi RTC sebagai pusat perkhidmatan setempat untuk manfaat masyarakat luar bandar setempat.

Sekian, terima kasih.